



## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

#### KEJADIAN PERLANGGARAN KAPAL KARGO SINICA GRAECA DENGAN KAPAL TANGKI CHEMROAD MEGA BERHAMPIRAN PERAIRAN NEGERI JOHOR

18 OGOS 2017

---

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Alam Sekitar telah menerima laporan mengenai kejadian perlanggaran kapal kargo *Sinica Graeca* dengan kapal tangki *Chemroad Mega* pada 17 Ogos 2017 jam 8.20 malam di lokasi 01<sup>o</sup> 26.7113 N 104<sup>o</sup> 29.6 E iaitu di Timur Laut Tompok Utara, perairan Negeri Johor. Akibat perlanggaran tersebut, sebanyak 270 tan minyak enjin dari kapal *Sinica Graeca* telah tumpah ke dalam laut.

Jabatan Alam Sekitar telah mengaktifkan Jawatankuasa Operasi Negeri (JON) yang melibatkan pelbagai agensi di bawah **Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM)** untuk mengambil langkah-langkah bagi mengawal tumpahan minyak yang berlaku. Agensi-agensi peneraju bagi RKKKTM seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Laut Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah berada di lokasi kejadian untuk siasatan dan pemantauan lanjut.

Kesalahan mencemar perairan negara akan disiasat oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah peruntukan Seksyen 27, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

18 OGOS 2017

**UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:**

**PUAN AZIAH BT. JAAFAR**

Pengarah Bahagian Air Dan Marin

Jabatan Alam Sekitar

EMEL : [aziah@doe.gov.my](mailto:aziah@doe.gov.my)

No Tel : 03 -8871 2104

**PUAN NOOR FADILAH BT. IBRAHIM**

**Pegawai Komunikasi Strategik**

**Unit Komunikasi Korporat**

Emel : [fadilah@nre.gov.my](mailto:fadilah@nre.gov.my)

No. Tel: 03 -8886 1081